



## KERAJAAN MALAYSIA

---

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2018

---

### BAYARAN KHAS TAHUN 2018

#### TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bayaran Khas Tahun 2018 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Pelaksana serta pesara Kerajaan.

#### LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Bayaran Khas Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana atas keprihatinan Kerajaan serta menghargai khidmat bakti penjawat awam.

3. Kerajaan juga bersetuju memberi Bayaran Khas Tahun 2018 sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

## **PELAKSANAAN**

4. Bayaran Khas Tahun 2018 sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat sehingga 18 Disember 2018 dan berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Tempoh 30 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018.

## **PEGAWAI YANG LAYAK**

5. Tertakluk kepada perenggan 4 di atas, pegawai yang layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2018 adalah seperti berikut:

- 5.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*<sup>1</sup>;
- 5.2 pegawai yang bercuti separuh gaji/ tanpa gaji tetapi tidak sepanjang tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018; dan
- 5.3 pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018.

---

<sup>1</sup> Bagi pegawai di bawah *contract for service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

6. Bayaran Khas Tahun 2018 juga dipanjangkan kepada:

- 6.1 guru interim;
- 6.2 pemandu yang dilantik oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- 6.3 pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan Akta Saraan Hakim 1971.

## **PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK**

7. Pegawai yang tidak layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2018 adalah seperti berikut:

- 7.1 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;
- 7.2 pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018;
- 7.3 pegawai yang bercuti separuh gaji/ tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018;
- 7.4 pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasangkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018;

- 7.5 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib sepanjang tahun 2018;
- 7.6 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018; atau
- 7.7 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018.

### **PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARAN KHAS**

8. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bayaran Khas Tahun 2018 ini. Pegawai hanya layak diberi Bayaran Khas Tahun 2018 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

### **PEGAWAI LANTIKAN *CONTRACT OF SERVICE* (COS)**

9. Bagi pegawai lantikan *contract of service* (COS) yang berkhidmat melebihi satu (1) kontrak dalam tahun 2018, Bayaran Khas Tahun 2018 akan dibayar oleh jabatan terkini pegawai berkhidmat tertakluk kepada pegawai tersebut masih berkhidmat pada 18 Disember 2018 dan memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018.

### **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

10. Bayaran Khas Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 18 Disember 2018 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018.

## **PESARA**

11. Bayaran Khas Tahun 2018 kepada pesara Kerajaan yang telah menerima pencen dan penerima pencen terbitan pada atau sebelum 18 Disember 2018 di bawah undang-undang pencen akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

12. Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara COS dan masih berkhidmat pada 18 Disember 2018 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2018 sebanyak RM500.00 tertakluk memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

## **PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN**

13. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia pada 18 Disember 2018 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

## **TARIKH PEMBAYARAN**

14. Bayaran Khas Tahun 2018 akan dibayar pada 18 Disember 2018.

## **TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN**

15. Pembayaran Bayaran Khas Tahun 2018 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada 18 Disember 2018.


## **TARIKH KUAT KUASA**

16. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **PEMAKAIAN**

17. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

**28** November 2018

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan